

19 APR 2003

Mahathir-Langkawi

DR MAHATHIR TINJAU PROJEK PEMBANGUNAN DI LANGKAWI

LANGKAWI, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meninjau beberapa projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di Langkawi.

Projek pembinaan dua blok baru Galleria Perdana yang bernilai RM24 juta di Jalan Ayer Hangat adalah projek pertama yang dilawati beliau sejurus tiba di pulau peranginan ini dengan pesawat khas dari Alor Star pagi ini.

Beliau diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Blok baru berkenaan mula dibina Februari tahun lepas dan dijadualkan siap hujung tahun ini, bakal menempatkan surau, kedai cenderahati, kafetaria dan kemudahan makmal untuk kerja pembersihan cenderahati serta sebuah auditorium yang boleh memuatkan 150 tempat duduk.

Pembinaan blok baru itu juga membolehkan lebih banyak cenderahati Perdana Menteri ditempatkan secara lebih menarik dan teratur.

Dr Mahathir yang masih dalam percutian dua bulan, kemudian melawat Wavemaster Langkawi di Tanjung Lembong yang merupakan pusat membaiki dan membaik pulih kapal mewah serta kapal layar.

Beliau kemudian menaiki sebuah kapal pesiaran lebih sejam meninjau di sekeliling Pantai Kok sebelum pergi meninjau projek Harbour Park Langkawi di Teluk Burau dan diberi taklimat ringkas mengenai kemajuan projek berkonsepkan Mediterranean yang bernilai RM40 juta itu.

Projek berkenaan apabila siap kelak akan mempunyai sebuah marina yang boleh memuatkan 100 kapal layar dan mempunyai kemudahan hotel dan kawasan perumahan.

Selepas singgah di Tok Senik Resort, Dr Mahathir berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Semasa di Alor Star, Dr Mahathir mengunjungi rumah kakaknya Rafeah, 90, di Jalan Pegawai.

-- BERNAMA

MZM FIZ RON